



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	28/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JABATAN HUTAN SARAWAK			

Jawatankuasa khas siasat sisa balak hanyut di Kapit

BH, 28 Ogos 2021/22

Sarawak cari punca, jalan penyelesaian kejadian di Sungai Baleh

Oleh Norsyazwani Nasri
bhnews@bh.com.my

Kuching: Kerajaan Sarawak menubuhkan jawatankuasa pasukan petugas khas yang diketuai Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli bagi meniasat kejadian longgokan sisa kayu balak hanyut di Sungai Baleh, Kapit.

Pengarah Jabatan Hutan Sarawak, Datuk Hamden Mohammad, berkata jawatankuasa itu turut dianggotai pelbagai agensi serta jabatan kerajaan selain pemegang taruh, antaranya Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB), Lembaga Sungai Sarawak (LSS) dan Sarawak Energy Berhad (SEB).

"Jawatankuasa itu akan mengendalikasikan siasatan dan mencari jalan penyelesaian terhadap isu berkenaan. Berdasarkan penilaian di lapangan serta pengawasan udara, kami mendapati kejadian disebabkan pengumpulan serpihan kayu balak di tapak binaan Empangan Hidroelektrik (HEP) Baleh.

"Ia kemudian keluar melalui



Longgokan sisa kayu balak hanyut di Sungai Baleh, Kapit.

lencongan saliran dan memasuki Sungai Rajang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Longgokan sisa balak hanyut di Sungai Baleh baru-baru ini menimbulkan kerisauan penduduk di sepanjang sungai berkenaan yang pernah berdepan kejadian sama 10 tahun lalu.

Kejadian sebelum ini menyaksikan longgokan sisa balak dihanyutkan hingga ke hilir Sungai Batang Rajang termasuk Bahagian Kapit yang bukan sahaja menjejaskan penduduk, tetapi turut membunuh pelbagai spesies hidupan termasuk ikan di sepanjang Sungai Baleh dan Sungai Batang Rajang.

Hamden berkata, hujan lebat yang melebihi 100 milimeter pada 21 Ogos lalu mencetuskan pergerakan serpihan kayu ba-

lak yang besar, namun keadaan itu reda selepas hujan berhenti di kawasan hulu Baleh.

"Kerajaan telah meluluskan kegiatan penebangan sisa pembalakan sejak 2015 di kawasan yang akan tenggelam susulan cadangan pembangunan HEP Baleh. Kelulusan itu adalah tertakluk pada kepatuhan sepenuhnya terhadap peraturan dan undang-undang peneuaian.

"Semua pemegang lesen dan kontraktor kayu yang terabit, bersama-sama bertanggungjawab terhadap kejadian berkenaan terutama untuk membersihkan dan membuang serpihan. Jabatan Hutan Sarawak akan memperketat langkah pemantauan untuk memastikan kejadian seperti ini tidak berulang," tegasnya.



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia